

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI WAN HASSAN BIN MOHD
RAMLI [DUNGUN]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan pelan strategik jangka masa panjang Kementerian untuk menangani kes-kes rogol bawah umur dan sumbang mahram yang masih berleluasa dalam negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sentiasa memandang serius isu kepincangan seksual dalam kalangan masyarakat terutama dalam golongan kanak-kanak dan wanita. Kes rogol bawah umur dan sumbang mahram merupakan jenayah seksual yang berat dan ia memerlukan inisiatif daripada pelbagai pihak untuk membanteras perkara ini. Beberapa pelan strategik jangka masa panjang telah dibangunkan untuk mengatasi isu ini seperti berikut:

- a) **Dasar dan Pelan Tindakan Pendidikan Kesihatan Reproduksi dan Sosial (PEKERTI)** bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran semua pihak termasuklah wanita, keluarga, dan kanak-kanak berkaitan pendidikan kesihatan reproduktif dan melahirkan masyarakat yang penyayang, bertanggungjawab, dan resilien serta mengamalkan gaya hidup yang sihat dan sejahtera.
- b) Tambahan lagi, *referral pathway* diutamakan bagi memastikan golongan yang berisiko tidak tercicir dan diberikan intervensi yang optimum melalui kolaborasi bersama agensi kerajaan, swasta, dan Badan Bukan Kerajaan.
- c) Melalui **Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur** di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga menetapkan komitmen pemegang taruh utama di peringkat kerajaan, swasta, mahupun Badan Bukan Kerajaan di bawah Faktor Dua (2); iaitu kekurangan atau ketiadaan akses kepada pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual serta kemahiran keibubapaan. Di bawah faktor ini, empat (4) strategi utama melibatkan penyediaan platform penyampaian informasi SRH kepada kanak-kanak dan ibu bapa, menyediakan perkhidmatan SRH mesra kanak-kanak dan remaja untuk meningkatkan advokasi dan intervensi berkaitan SRH termasuk isu jenayah seksual kepada kanak-kanak.

SOALAN NO. : 5

- d) Penubuhan *Task Force* Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak.
- e) Penubuhan Jawatankuasa Bersepadu Pengurusan Isu-isu Sosial Kanak-kanak di Media Sosial juga telah ditubuhkan pada Jun 2021 dengan ahli Jawatankuasa melibatkan Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia, dan Badan Bukan Kerajaan bagi menangani isu keselamatan siber dengan mempergiatkan advokasi dan intervensi serta menambah baik aspek perundangan dengan menguatkuasakan aspek pengawalan ke atas laman sesawang pornografi kanak-kanak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS
@ TUBAU [LIBARAN]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Datuk Zakaria Bin Mohd Edris [Libaran] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan bagaimanakah jalinan hubung kait antara Dasar Warga Emas Negara, Pelan Tindakan Warga Emas Negara 2011, WKB2030 dan RMK-12 dapat menjamin kesejahteraan hidup warga emas Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang kita sedia maklum, Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) merupakan iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Pelaksanaan WKB 2030 meliputi seluruh rakyat Malaysia dan polariti yang dirangkumkan adalah termasuk warga emas sebagai salah satu kumpulan sasaran.

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) ialah pelan pembangunan menyeluruh yang akan memperkenalkan beberapa pembaharuan, bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan pengagihan peluang dan hasil yang lebih saksama. Dalam RMKe-12, kesejahteraan warga emas diberikan perhatian yang utama oleh Kerajaan. Di bawah Fokus Keenam, “Memperkasa Agenda Bumiputera dan Keluarga Malaysia”, aspek kesejahteraan warga emas akan memfokuskan kepada memperbanyakkan sistem sokongan kepada warga emas agar keperluan warga emas terpelihara.

Sehingga hari ini, lebih dari 140 Pusat Aktiviti Warga Emas telah diwujudkan dan Kerajaan merancang untuk memperluas usaha ini ke semua kawasan parlimen. Selain itu, Malaysia juga perlu mewujudkan lebih banyak bandar mesra warga emas pada masa akan datang. Bagi memastikan maklumat dan data warga emas sentiasa dikemas kini, Sistem Pendaftaran Warga Emas Nasional akan ditambah baik dan liputannya diperluas.

Dasar Warga Emas Negara (DWEN) mengiktiraf warga emas sebagai warganegara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman, mempunyai hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara.

SOALAN NO. : 9

Selain itu, Dasar Warga Emas Negara merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara. Hal ini selaras dengan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) 2011 yang memperuntukkan enam strategi yang digunakan sebagai pendekatan untuk mencapai objektif dasar iaitu:

- Promosi dan Advokasi
- Pembelajaran Sepanjang Hayat
- Keselamatan dan Perlindungan
- Tadbir Urus dan Perkongsian Tanggungjawab
- Penglibatan dan Kesepaduan antara Generasi
- Penyelidikan dan Pembangunan

Bagi memastikan kesejahteraan hidup warga emas di Malaysia terjamin, Kementerian ini akan berusaha memantau dan mengemas kini DWEN dan PTWEN mengikut tempoh yang tertentu supaya program yang dirancang bagi warga emas ini sejajar dengan matlamat yang ditetapkan dalam WKB 2030 dan RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN WONG HON WAI
[BUKIT BENDERA]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha pembaharuan undang-undang yang telah atau sedang diusahakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sejak Mac 2020 dan bilakah pembaharuan tersebut akan dibentangkan di Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian ini sedang giat menggubal dan mengkaji semula undang-undang yang melibatkan kumpulan sasar Kementerian ini. Antara yang menjadi fokus utama Kementerian ketika ini adalah draf **Rang Undang-Undang Anti-Gangguan Seksual (RUU AGS)** dan **Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS)**.

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Disember 2021 telah meluluskan Draf Rang Undang-Undang Anti Gangguan Seksual (RUU AGS) dan RUU ini akan dibaca bagi kali pertama di Mesyuarat Kedua Dewan Rakyat pada 15 Disember 2021.

Draf Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial (RUU PKS) pula di peringkat akhir penggubalan dan dalam proses penyediaan maklum balas terhadap kuir dari Bahagian Gubalan, Jabatan Peguam Negara susulan semakan yang telah dikemukakan. RUU PKS akan dibentangkan di Parlimen setelah segala proses, prosedur dan urusan dokumentasi berkaitan penggubalan selesai, dimuktamadkan di peringkat Jabatan Peguam Negara dan seterusnya dipersetujui di peringkat Jemaah Menteri. Kementerian ini menjangkakan pembentangan untuk bacaan pertama di Dewan Rakyat pada penghujung tahun ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI
[CHERAS]**

TARIKH : 15 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada akan ada badan khas ditubuhkan untuk mengenal pasti dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan warga emas memandangkan negara kita bakal mencapai status negara warga tua menjelang 2030.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia dijangka akan menjadi negara tua menjelang tahun 2030. Fenomena ini berlaku apabila terdapat 15 peratus populasi berusia 60 tahun ke atas daripada keseluruhan penduduk negara. Pada tahun 2020 sahaja, warga emas di Malaysia telah mencecah 3.4 juta orang atau 10.6 peratus.

Kerajaan telah mengambil langkah persediaan awal untuk menangani isu penuaan penduduk. Malaysia telah mempunyai Dasar Warga Tua Negara sejak tahun 1995 dan Pelan Tindakan Warga Tua Negara pada tahun 1998. Selaras dengan perkembangan semasa, dasar ini telah dikaji semula menjadi Dasar Warga Emas Negara pada tahun 2011. Dasar ini merupakan payung kepada penyediaan perkhidmatan dan kemudahan warga emas di Malaysia. Dasar ini juga merupakan komitmen Kerajaan untuk mewujudkan warga emas berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup seiring dengan pembangunan negara.

Rentetan pewujudan Dasar Warga Emas Negara, Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara turut diwujudkan sebagai suatu mekanisme pelaksanaan dasar berkaitan warga emas dan penuaan penduduk. Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) merupakan sekretariat kepada Majlis ini yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Majlis ini berfungsi di peringkat persekutuan bagi memastikan pelaksanaan Dasar Warga Emas itu sendiri selain turut berperanan menangani isu-isu warga emas dan fenomena penuaan.

Peranan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan JKJ di dalam Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara juga bergantung kepada peranan agensi-agensi kerajaan lain yang menganggotai Jawatankuasa Teknikal Dasar Warga Emas Negara. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha

SOALAN NO. 36

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan akan melapor kepada Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara. Ahli Jawatankuasa Teknikal ini terdiri daripada 7 Jawatankuasa Kecil iaitu:

1. Jawatankuasa Kecil Kesihatan dipengerusikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
2. Jawatankuasa Kecil Sosial dan Rekreasi dipengerusikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat
3. Jawatankuasa Kecil Pendidikan dan Kerohanian dipengerusikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi
4. Jawatankuasa Kecil Perumahan dan Persekitaran dipengerusikan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
5. Jawatankuasa Kecil Ekonomi dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
6. Jawatankuasa Kecil Pekerjaan dipengerusikan oleh Kementerian Sumber Manusia
7. Jawatankuasa Kecil Penyelidikan dan Pembangunan dipengerusikan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

Jawatankuasa Teknikal ini bertanggungjawab menyediakan perancangan tahunan program pembangunan warga emas selaras dengan Dasar dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara serta bagi menangani isu-isu penuaan di peringkat negeri.

Selain di peringkat persekutuan, Jawatankuasa Pembangunan Warga Emas Negeri dan Daerah juga telah ditubuhkan bagi menghubungkan pentadbiran persekutuan dan negeri. Jawatankuasa-jawatankuasa ini diwujudkan bagi memastikan pelaksanaan dasar berjalan dengan lancar di semua peringkat seterusnya memastikan kelestarian program dan pemantauan yang lebih teratur. Struktur Jawatankuasa adalah sama seperti struktur Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara iaitu melibatkan pelbagai agensi dan berfungsi sebagai platform bagi menangani masalah warga emas setempat dan juga isu-isu penuaan.

Sekian, terima kasih.